

# FITNAH MELALUI INTERNET DAN TELEKOMUNIKASI MENURUT UNDANG-UNDANG CIPTAAN DAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Abdul Basir bin Mohamad (Prof. Madya, Dr.)  
Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM  
abasir@pkisc.cc.ukm.my

## PENDAHULUAN

Internet adalah suatu rangkaian talian komputer (*network*) yang amat besar hubungan dan capaiannya. Internet diibaratkan seperti gergasi rangkain talian komputer. Ia adalah rangkaian ratusan ribu talian hubungan komputer di seluruh dunia yang dihubungkan antara satu dengan yang lain sama ada melalui sambungan berdawai, tanpa dawai, melalui sambungan kabel atau melalui satelit.<sup>1</sup> Pada masa sekarang, internet membentuk dunianya yang tersendiri yang dikenali sebagai dunia siber (*cyber world*). Manusia sebagai makhluk yang mempunyai akal telah menggunakan kemudahan komputer dengan cara melayarinya melalui elektronik ke dunia siber. Sesiapa sahaja boleh memasuki dunia siber ini tanpa had dan sekatan, tanpa mengira agama, bangsa, ras, negara, warna kulit, budaya, gaya hidup bagi berhubung dan bertukar maklumat melalui internet.

Dalam kurun ini, perkembangan berteraskan dunia siber begitu pesat sekali. Dunia siber juga dikenali sebagai dunia digital atau elektronik. Internet termasuk dalam dunia siber ini yang secara khususnya merupakan suatu jaringan sedunia atau *world wide web* (www). Internet telah menggabungkan imiginasi mengenai kuasa teknologi maklumat yang melaluinya dapat disiarkan segala bentuk maklumat meliputi gambar, tulisan, carta, suara, keadaan pergerakan, bunyi stereo yang secara kolektifnya dikenali sebagai multimedia.<sup>2</sup> Internet memungkinkan para pengguna komputer memiliki satu cara laluan

---

<sup>1</sup> Robin Widdison, *The Internet: An Introduction for Legal Practitioners, Computers and Laws*, hlm. 7.

<sup>2</sup> Harbottle dan Lewis, *Legal Issues on the Internet*, Microsoft Internet Explorer, hlm. 1.

masuk ke dalam mana-mana dokumen yang dikehendaki daripada mana-mana tempat untuk melayari bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki tanpa terlalu sukar bagi mengendalikannya. Dengan demikian, seseorang pengguna Internet tidak perlu mempunyai maklumat sebagai seorang pakar komputer untuk melayari Internet atau menggunakannya bagi sesuatu tujuan tertentu.

## **LIBEL MELALUI RUANG SIBER DAN SISTEM PESANAN RINGKAS MENURUT UNDANG-UNDANG CIPTAAN**

Di Malaysia, konsep kebebasan bersuara diiktiraf sebagai salah satu hak kebebasan asasi manusia dan ia diamalkan secara berhemah.<sup>3</sup> Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan berkaitan dengan hak ini, iaitu semua warga negara Malaysia berhak untuk bebas bercakap dan mengeluarkan buah fikiran. Walaupun begitu, ia bukanlah merupakan kebebasan yang mutlak. Bahkan ia tertakluk kepada fasal (2), (3) dan (4). Perkara 10(2)(a) membenarkan Parlimen mengenakan:

Ke atas hak-hak yang diberi oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam untuk melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah, atau perbuatan mengapi-api supaya dilakukan sesuatu kesalahan.

Jadi, hak kebebasan bersuara yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan itu adalah selagi mana hak kebebasan itu tidak disalahgunakan, seperti sesuatu ungkapan itu tidak menjadi suatu fitnah,<sup>4</sup> ungkapan yang tidak menjadi suatu hasutan dan ungkapan yang tidak melanggar hak keistimewaan Parlimen dan Dewan Negeri.

Maka, dapat difahami daripada kenyataan di atas bahawa salah satu daripada sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas kebebasan bersuara adalah

---

<sup>3</sup> Lihat Bahagian 2, Perlembagaan Malaysia berkaitan dengan Kebebasan Asasi. Perkara 10 khusus kepada kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan.

<sup>4</sup> Lihat kes *Abdul Rahman Talib* lwn. *Seenivasagam dan lain-lain* [1965] 1 M.L.J. 143.

penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan fitnah. Secara umumnya, undang-undang fitnah digubal untuk memperuntukkan seksyen-seksyen tertentu bagi melindungi nama baik seseorang daripada diaibkan.

Tahun-tahun sebelum dan awal 80an, persoalan fitnah pada kebiasaannya timbul sama ada melalui ungkapan lisan radio atau televisyen, atau tulisan dalam surat khabar dan majalah. Tetapi, dalam tahun-tahun selepas itu, wujud satu wahana baru yang juga boleh terjadinya fitnah, iaitu melalui komputer dan juga mesej yang dikirimkan melalui telefon mudah alih. Ada yang mengatakan bahawa wahana ini sebagai ruang siber (*cyberspace*).<sup>5</sup> Maka selepas itu terdapat perdebatan di kalangan ahli undang-undang dari sudut hendak menentukan sama ada mesej-mesej yang terpapar pada skrin komputer dan juga telefon mudah alih itu merupakan fitnah berbentuk *libel* atau *slander*. Pada masa kini, perdebatan berkaitan dengan isu itu nampaknya seperti sudah selesai setelah ia diterima di seluruh dunia bahawa fitnah yang wujud dalam dunai siber dianggap sebagai suatu fitnah berbentuk *libel*.<sup>6</sup> Begitu juga pada suatu ketika dahulu, telah wujud keraguan adakah fitnah yang disiarkan oleh televisyen dan juga radio merupakan *libel* atau *slander*. Walaupun begitu, Akta Penyiaran 1990 dalam undang-undang Inggeris menetapkan bahawa sebarang bahan fitnah yang disiarkan ke udara adalah tertakluk kepada kesalahan fitnah *libel*. Maka termasuk juga ke dalam kesalahan fitnah ialah bahan-bahan yang ditayangkan melalui filem, pita video dan pertunjukan teater. Begitu juga bahan-bahan yang terdapat dalam pita rakaman dan cakera padat kesemuanya

---

<sup>5</sup> Ruang siber ini boleh terdiri daripada kesemua bentuk perhubungan melalui komputer, termasuk Internet, sistem papan buletin, perkhidmatan talian komersial dan ruangan fakta khusus seperti Lexis-Nexis dan sebagainya. Lihat Wayne, *Major Principles of Media Law*, hlm. 167.

<sup>6</sup> Lihat Auburn Usenet News and the Law, dalam [http://www\\_ncl\\_ac.uk/\\_nlawwww/article/auburn.html](http://www_ncl_ac.uk/_nlawwww/article/auburn.html); Peter Carey, *Media Law*, hlm. 60. Sepertimana diketahui bahawa fitnah boleh terjadi dalam dua bentuk, iaitu fitnah *libel* dan fitnah *slander*. Perbezaan antara kedua-duanya adalah penting kerana fitnah *libel* dikategorikan sebagai *actionable per se*, iaitu pihak plaintif yang menuntut kes fitnah *libel* tidak perlu membuktikan bahawa dia telah mengalami kemudaratan atau keaiban disebabkan oleh sesuatu kenyataan fitnah yang ditujukan kepadanya itu. Sebaliknya, fitnah *slander* memerlukan pembuktian kemudaratan sebenar yang dialami oleh pihak plaintif. Seperti plaintif telah dipecat daripada kerjanya atau rakan kongsinya telah menarik diri daripada berkongsi perniagaan dengannya dan sebagainya disebabkan fitnah tersebut. *Libel* merupakan suatu bentuk fitnah berbentuk tetap, seperti tulisan, manakala *slander* pula adalah fitnah berbentuk tidak tetap atau tidak kekal, seperti ungkapan. Lihat Peter Carey, *Media Law*, hlm. 40.

tertakluk kepada fitnah *libel*.<sup>7</sup> Justeru, oleh kerana *libel* termasuk kesemua bentuk penerbitan dan penyiaran dalam bentuk tetap, maka sudah pastilah penyiaran melalui Internet dan sistem pesanan ringkas juga merupakan bentuk fitnah *libel*. Kedudukan ini dapat diperkuatkan dengan peruntukan seksyen 3, Akta Fitnah 1957 dalam undang-undang Malaysia yang memperuntukkan:

“Bagi maksud undang-undang *libel* dan *slander*, penyiaran perkataan-perkataan dengan cara komunikasi radio hendaklah dianggap sebagai penerbitan dalam bentuk tetap”.

Jika komunikasi radio boleh dikira sebagai penerbitan tetap, maka sudah tentulah penyiaran melalui skrin komputer atau telefon mudah alih juga merupakan suatu bentuk penerbitan tetap. Bahkan penerbitan tetap ini yang dinisbahkan kepada bentuk fitnah *libel* ditujukan kepada fitnah yang lahir melalui penglihatan atau mata, bukannya pendengaran atau telinga (fitnah *slander*), maka skrin komputer atau papan buletin atau skrin telefon mudah alih adalah lebih dekat kepada aspek fitnah *libel*, jika hendak dibandingkan dengan komunikasi radio. Demikian itu, talian komputer dan juga telefon mudah alih lebih menepati kepada kesalahan fitnah *libel* yang aspeknya diasaskan kepada berbagai bentuk, seperti lukisan, karya kartun, filem, arca, simbol, gambaran patung dan bentuk-bentuk imej visual lain yang mana kedudukannya sama sepertimana penerbitan buku, surat khabar, majalah dan jurnal.<sup>8</sup>

Mengikut Kent dan William, fitnah *libel* tidak hanya boleh disiarkan melalui suratkhbar dan penyiaran melalui udara, tetapi juga boleh melalui sidang akhbar, memo yang dikeluarkan antara pejabat, apa-apa perbualan, temuduga, surat-surat perniagaan dan termasuk Internet.<sup>9</sup>

Sehubungan dengan Internet ini, didapati bahawa perhubungan secara talian telah berkembang begitu pesat sehingga pada hari ini terdapat berjuta tapak jaringan (*websites*) dengan berjuta pelanggannya yang juga telah

---

<sup>7</sup> Peter Carey, *Media Law*, hlm. 40-41.

<sup>8</sup> Lihat perbincangan ringkas berkaitan fitnah dalam Shad Saleem dan Sankaran, *Undang-undang dan Peraturan Media di Malaysia*, hlm. 83-91.

<sup>9</sup> Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 116.

mengirimkan berjuta-juta perkataan dalam bahan kiriman mereka dalam Internet dan juga dalam perkhidmatan talian komersial pada setiap waktu dan ketika. Maka pastinya, antara bahan-bahan yang dikirimkan itu terdapat bahan tulisan yang mengandungi fitnah *libel*. Ia dikirimkan ke tapak jaringan, papan buletin atau “bilik berbual”, kemudian ia disiarkan dan dilihat oleh pihak ketiga. Apabila ini terjadi, persoalan undang-undang akan timbul, iaitu sepertimana yang dikatakan oleh Wayne, adakah setiap orang selain daripada pengirim asalnya juga bertanggungjawab?<sup>10</sup>

Ringkasnya, dapatlah dikatakan bahawa surat khabar dan majalah dikatakan telah menyiarkan berita apabila ia diedarkan kepada orang awam. Radio dan stesyen televisyen dikatakan telah menyiarkan sesuatu berita apabila ia telah menyiarkannya atau memancarkannya ke udara. Dan begitu jugalah maklumat dalam Internet, ia dikatakan telah disiarkan dalam papan buletin apabila ia dapat dicapai dan dibaca oleh para pelanggannya. Berkaitan dengan fitnah *libel*, undang-undang tidak menghendaki pihak plaintif membuktikan bahawa pihak yang melanggan surat khabar atau Internet atau yang menonton televisyen telah mendengar atau membaca terbitan dan siaran yang berbentuk fitnah itu. Umumnya, mahkamah telah beranggapan bahawa terbitan atau siaran yang diterbitkan atau disiarkan itu telah mencapai para audiensnya.<sup>11</sup>

Secara umumnya dapat dikatakan bahawa pihak plaintif tidak terhad dalam pendakwaannya bahawa dia hanya berhak mendakwa pihak pertama yang mengucapkan atau menulis sebarang komen berbentuk *libel*. Bahkan dia boleh mendakwa setiap orang atau pihak yang telah menyebarkan *libel* tersebut. Seseorang yang menuduh bahawa seorang doktor telah melakukan sesuatu perbuatan yang tidak beretika atau telah cuai dalam menjalankan tugasnya, maka dia boleh didakwa di bawah kesalahan *libel*. Maka di sini timbul persoalan adakah seorang wartawan yang melaporkan tuduhan tersebut dalam surat khabar atau televisyen atau laporan itu telah disiarkan pada paparan buletin

---

<sup>10</sup> Lihat Wayne, *Major Principles of Media Law*, hlm. 167.

<sup>11</sup> Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 116.

Internet boleh dibebankan tanggungan *libel*; dan termasuk juga pihak penyunting yang telah menyemak berita itu dan juga penerbit medium-medium tersebut.<sup>12</sup>

Samalah juga jika kes ini dibandingkan dengan kes seorang pembaca surat khabar atau berita dalam Internet yang telah difitnahkan atau diaibkan dirinya, adakah pihak pembaca itu boleh mendakwa pihak penyunting berita tersebut dan penerbit atau pembekal perkhidmatan Internet yang terlibat termasuk juga penulis berita itu.

Dapat dikatakan bahawa seseorang yang telah difitnahkan melalui Internet dalam papan buletin boleh mendakwa pihak yang menulis laporan fitnah itu dan juga termasuk operator sistem Internet itu jika sekiranya operator itu bertugas sebagai pengawas papan buletin sepertimana seorang penerbit. Surat khabar atau stesyen penyiaran juga boleh didakwa dalam kes fitnah yang berkaitan dengan sesuatu iklan yang disiarkan, tanpa mengambil kira pihak mana yang telah menulis iklan tersebut. Oleh kerana itu, surat khabar dan juga stesyen-stesyen penyiaran itu perlu menanggung risiko sekiranya mereka membuat salinan sebarang iklan atau laporan daripada media-media lain.<sup>13</sup>

Syarikat-syarikat percetakan dan stesyen-stesyen penyiaran bertanggungjawab terhadap fitnah *libel*, atas dasar bahawa para pekerja di tempat tersebut telah menjalankan tugas mereka yang sewajarnya, seperti menulis atau memilih berita atau laporan yang hendak disiarkan dan menyuntingnya serta seterusnya menyiarkannya untuk tatapan awam. Dengan kedudukan sedemikian, syarikat penerbitan dan juga stesyen-stesyen penyiaran bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan fitnah yang dituntut oleh pihak plaintif.

Dengan demikian itu juga, pembawa, penyampai atau penyiar awam (*common carrier*) seperti syarikat-syarikat telefon, para operator sistem radio dan operator perkhidmatan Internet dianggap tidak bertanggungjawab terhadap sebarang laporan berbentuk *libel*, kerana mereka pada kebiasaannya melaksanakan kerja-kerja mereka secara mematuhi apa yang telah dibekalkan dan tidak mengawasi ke atas segala maklumat yang mereka pindahkan atau

---

<sup>12</sup> Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 116.

<sup>13</sup> Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 117.

siarkan. Penyampai atau penyiar awam ini hanya menjalankan tugas mereka sebagai pembawa atau penyiar laporan orang lain yang telah disediakan oleh suatu pihak lain tanpa membuat sebarang penelitian atau suntingan. Walaupun begitu, perkhidmatan menyiarkan sesuatu laporan itu dikenakan bayaran tertentu. Begitu jugalah pemilik kedai buku tidak dibebankan dengan tanggungan fitnah *libel* atas alasan bahawa pemilik kedai buku itu tidak semestinya mengetahui isi kandungan kesemua buku yang dipamerkan di dalam kedainya.<sup>14</sup>

Pemilik kedai buku bukanlah penerbit buku yang bertanggungjawab mengawal selia isi kandungan buku yang mereka ingin terbitkan, dan sekiranya diminta kepada setiap pemilik kedai buku menyemak setiap buku yang ingin dijual oleh mereka bagi menghindari kes fitnah *libel* akan menyebabkan tersekat aliran maklumat secara tidak sewajarnya kepada masyarakat awam.<sup>15</sup> Kedudukan ini samalah juga jika dibandingkan dengan pembekal perkhidmatan Internet. Sekiranya pembekal itu terpaksa meneliti kesemua maklumat yang terdapat dalam talian Internet yang dibekalkannya, sudah pasti keadaan tersebut terlalu sukar untuk dilaksanakan dan jika dikuatkuasakan juga ia boleh membantutkan perkembangan industri Internet dalam interaksi pada peringkat tempatan dan juga global.

Maka dapatlah dikatakan bahawa para operator bagi talian papan buletin boleh dianggap sama sepertimana pembawa, penyampai awam (*common carrier*) atau pemilik kedai buku. Mereka tidak dianggap sebagai penerbit sesuatu laporan yang boleh dipertanggungjawab terhadap fitnah *libel* ke atas sebarang laporan yang dikirimkan ke dalam perkhidmatan maklumat elektronik mereka. Sehubungan dengan itu, Mahkamah District Amerika bagi Southern District, New York telah memutuskan bahawa CompuServe, iaitu operator bagi sebuah perkhidmatan talian komersial adalah tidak bertanggungjawab bagi kenyataan-kenyataan *libel* yang disiarkan pada papan buletin yang telah dilakukan oleh pelanggannya (*subscriber*), melainkan operator papan buletin mempunyai

---

<sup>14</sup> Lihat kes *Smith* lwn. *California* [1959] 361 U.S. 147, dinyatakan dalam Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 117.

<sup>15</sup> Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 117.

“pengetahuan yang sebenar” terhadap libel tersebut.<sup>16</sup> Hakim Peter K. Leisure telah berkata bahawa CompuServe adalah sama seperti pemilik kedai buku, penjual surat khabar atau penjaga perpustakaan awam. Mereka semua tidak dijangka secara rasional mempunyai mata dan tenaga untuk memeriksa setiap penerbitan yang berkemungkinan mengandungi kenyataan-kenyataan berbau fitnah. Dengan kekurangan atau ketiadaan kawalan penyuntingan ke atas mesej-mesej elektronik, maka CompuServe tidak dibebankan dengan tanggungjawab terhadap fitnah yang didakwa itu.<sup>17</sup>

Sekalipun pembekal perkhidmatan elektronik berusaha untuk menapis mesej-mesej *libel* dan lucah daripada diberikan laluan dalam perkhidmatannya, operator sistem tetap tidak bertanggungjawab terhadap fitnah dan apa-apa jenayah bagi mesej-mesej yang terdapat dalam sistem talian Internetnya.<sup>18</sup>

Dalam seksyen 230 Akta Telekomunikasi 1996 Amerika Syarikat, pihak Kongres mengatakan bahawa pembekal dan pengguna perkhidmatan komputer interaksi tidak dianggap sebagai penerbit sekalipun mereka berusaha membatasi atau menghadkan mesej-mesej yang tidak disukai dalam perkhidmatan mereka. Seksyen 230 ini bertujuan menukar arah atau menyanggah keputusan mahkamah New York yang menjadikan operator perkhidmatan elektronik bertanggungjawab terhadap fitnah sekiranya mereka berusaha mengawasi isi

---

<sup>16</sup> *Cubby, Inc. lwn. CompuServe, Inc.* [S.D.N.Y 1991] 776 F. Supp. 135. Contoh kes yang boleh dirujuk ialah kes *Cubby Inc. lwn. CompuServe Inc.*, mahkamah di Amerika Syarikat telah memutuskan bahawa CompuServe yang merupakan pembekal perkhidmatan Internet adalah tidak mengetahui dan tidak sepatutnya mengetahui mengenai bahan-bahan yang didakwa oleh Cubby telah menimbulkan suatu bentuk fitnah libel yang disiarkan di papan buletin Internet. Ini adalah kerana sesebuah pembekal perkhidmatan Internet tidak mempunyai kesempatan yang mencukupi bagi menyemak segala kandungan yang dimasukkan ke dalam papan buletin sebelum ia dipindah terima oleh para pengguna Internet. Dalam kes ini pihak CompuServe mempunyai kontrak dengan sebuah syarikat perkhidmatan Internet yang lain untuk mengurus, menyuntin dan mengawal kandungan-kandungan dalam papan buletinnya. Oleh itu, CompuServe sendiri tidak mempunyai cara serta tidak mengetahui cara untuk menyemak serta mengawal kandungan papan buletin itu. Atas alasan ini, maka CompuServe tidak boleh dipersalahkan berkaitan dengan bahan fitnah yang dipaparkan di papan buletinnya.

<sup>17</sup> Lihat Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 117.

<sup>18</sup> Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 117.

kandungan sistem talian Internet mereka dan kedudukan mereka adalah sepertimana seseorang penerbit. Ini dapat dirujuk kepada kes *Stratton Oakmont Inc. lwn. Prodigy Services Co.*<sup>19</sup> Dalam kes ini, hakim perbicaraan di sebuah mahkamah di New York telah mengatakan bahawa Prodigy, iaitu sebuah pembekal perkhidmatan komersial perhubungan komputer boleh didakwa atas kesalahan fitnah *libel*. Kesalahan fitnah *libel* itu berkaitan dengan satu mesej yang telah dikirimkan oleh seorang pelanggan (*subscriber*) yang menuduh sebuah firma pelaburan terlibat dengan kelakuan jenayah. Dakwaan fitnah ini boleh dikenakan kerana Prodigy telah menjangkakan tanggungjawab sebagai seorang penyunting dengan memasarkan dirinya sebagai pembekal perkhidmatan “berorientasikan keluarga” yang menapis mesej-mesej baru yang dikirimkan kepada papan buletinnya. Kedudukannya dikira sama dari sudut undang-undang sepertimana seorang penerbit, kerana dia berusaha mengawal dan mengesan isi kandungan mesej-mesej yang datang dengan menggunakan *text scanning software*, iaitu suatu *software* yang boleh memeriksa perkataan-perkataan dan ayat-ayat berbentuk hinaan dan fitnah.<sup>20</sup>

Maka peruntukan dalam Tajuk V Akta Telekomunikasi 1996 itu dapat dikatakan telah menyanggah keputusan kes Prodigy dengan menetapkan bahawa pembekal perkhidmatan Internet tidak dianggap sama kedudukannya dari sudut undang-undang sepertimana seorang penerbit. Demikian itu, pembekal perkhidmatan Internet tidak bertanggungjawab terhadap isi kandungan mesej yang disiarkan oleh mereka, tanpa mengira sama ada mereka mempunyai sistem penapisan mesej atau tidak. Begitu juga sekiranya mereka mempunyai maklumat berkaitan dengan sesuatu bahan kiriman itu mengandungi fitnah *libel* dan bahan tersebut tidak disekat atau dihapuskan, mereka tetap tidak dibebankan dengan apa-apa tanggungan *libel* berasaskan kepada peruntukan Akta tersebut.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> [1995] No. 11063/94, dinyatakan dalam Wayne, *Major Principles of Media Law*, hlm. 167.

<sup>20</sup> Lihat Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 117-118; Wayne, *Major Principles of Media Law*, hlm. 167.

<sup>21</sup> Wayne, *Major Principles of Media Law*, hlm. 167-168.

Tafsiran dan pelaksanaan peruntukan Seksyen 230 Akta Telekomunikasi 1996 itu jelas dapat dilihat dalam kes Kenneth Zeran yang telah mendakwa America Online atas tuduhan menyiarkan berita palsu dalam Internetnya berkaitan iklan pada T-shirts yang dihubungkan atau dikaitkan kepada Zeran dengan mesej berbentuk penghinaan mengenai tindakan pengeboman ke atas Alfred P. Murrah Federal Building di Bandar Oklahoma.<sup>22</sup> Satu ungkapan dalam iklan itu berbunyi: "Visit Oklahoma...It's a BLAST!!!". Para pembaca iklan itu diseru supaya menghubungi "Ken" di talian telefon Kenneth Zeran di Seattle. Zeran merupakan sebuah syarikat penerbit komersial yang tidak mempunyai sebarang hubungan dengan isu bom di Bandar Oklahoma dan ia telah mendakwa America Online kerana syarikat itu dengan sengaja membenarkan bahan *libel* muncul di atas papan buletinnya, walaupun setelah Zeran meminta ia tidak disiarkan. Sehubungan dengan iklan tersebut, pihak Zeran telah menerima banyak panggilan telefon berbentuk kejian dan kekasaran setelah iklan palsu itu disebar oleh America Online.<sup>23</sup>

Dalam penghakiman America Online, Mahkamah Rayuan Amerika Syarikat (*U.S. Court of Appeal*) memutuskan bahawa pembekal perkhidmatan Internet terkecuali daripada tanggungan mengikut undang-undang negara terhadap sebarang mesej yang dikirimkan oleh pihak ketiga. Kemudian dalam tahun 1998, mahkamah persekutuan, iaitu Mahkamah Tinggi Amerika Syarikat (*U.S. Supreme Court*) menolak untuk menyemak keputusan tersebut dengan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan dengan mengatakan bahawa Akta Telekomunikasi 1996 tidak membebaskan tanggungan ke atas mana-mana pembekal Internet jika sekiranya pihak ketiga mengirimkan mesej-mesej elektronik berbentuk fitnah *libel* melalui pembekal Internet itu. Kebebasan menyatakan pendapat akan menjadi kaku dan beku jika pembekal perkhidmatan talian (*online service providers*) dibebankan dengan suatu tugas yang menghairankan bagi menyemak berjuta mesej interaksi yang disebar pada

---

<sup>22</sup> Lihat kes *Zeran lwn. America Online, Inc.* [1997] 4<sup>th</sup> Circuit U.S Court of Appeals 129 F. 3d 327, 25 Media L. Rep. (BNA) 2526, dinyatakan dalam Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 118; Wayne, *Major Principles of Media Law*, hlm. 168.

<sup>23</sup> Lihat Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 118.

saban hari melalui rangkaian elektronik mereka. Samalah juga adalah tidak munasabah beban diwajibkan ke atas pembekal perkhidmatan elektronik jika sekiranya mereka dipertanggungjawab terhadap penyingkiran mesej-mesej berbentuk fitnah *libel* sekalipun setelah diberitahu kewujudannya dalam papan buletin mereka.<sup>24</sup>

Pelepasan tanggungan ini hanya berlaku ke atas pembekal perkhidmatan Internet sahaja, tidak ke atas pihak yang menulis atau yang mewujudkan bahan *libel* itu. Oleh yang demikian itu, dapat dikatakan bahawa setiap orang terdedah kepada tindakan atau tuntutan undang-undang bagi setiap bahan yang dia telah tuliskan dalam tapak jaringan (*website*) atau yang dia kirimkan ke dalam mel elektrik (*e-mail*) dan kemudian bahan tulisan itu tersebar kepada pelanggan-pelanggan Internet lain. Kedudukan kes ini sama jugalah jika ia berlaku melalui sistem pesanan ringkas telefon. Maka pihak yang betul-betul menulis bahan fitnah *libel* itu yang bertanggungjawab terhadap tuntutan *libel* tersebut, bukannya penyedia atau pembekal perkhidmatan kemudahan elektronik itu.

Ini dapat dirujuk dalam kes *Varian Medical System lwn. Delfino*,<sup>25</sup> juri di Lembah Silikon California membuat keputusan supaya dua orang penyelidik sains membayar ganti rugi punitif dan ganti rugi pampasan sebanyak \$775,000 kepada sebuah syarikat teknologi tinggi dan juga dua orang pengurusnya disebabkan dua orang penyelidik itu telah didapati mengiriskan beribu mesej fitnah dalam papan Internet. Mahkamah Rayuan (*Appellate Court*) menyokong keputusan itu, walaupun Mahkamah Tinggi (*Supreme Court*) bersetuju untuk menyemak beberapa aspek tertentu terhadap keputusan itu dalam tahun 2004.<sup>26</sup>

Oleh kerana Internet ini merupakan suatu bentuk ruang siber tanpa sempadan, maka terdapat kes-kes *libel* melalui Internet di serata dunia. Antaranya keputusan kes yang bersamaan dengan kes Prodigy yang telah diputuskan dalam tahun 1994 di Australia, iaitu kes *Rindos lwn Hardwick*,<sup>27</sup> seorang pengguna Internet telah mengiriskan suatu mesej yang memburuk-

---

<sup>24</sup> Lihat Kent dan William, *The Law of Public Communication*, hlm. 118; Wayne, *Major Principles of Media Law*, hlm. 168.

<sup>25</sup> [2003] 113 C.A. 4<sup>th</sup> 273.

<sup>26</sup> Lihat Wayne, *Major Principles of Media Law*, hlm. 168.

<sup>27</sup> [1994] Supreme Court of Australia.

burukkan nama dan kecekapan pihak Rindos dari sudut akademik dan tingkah laku. Dalam penghakiman, mahkamah membuat keputusan memihak kepada Rindos dan mengarahkan ganti rugi sebanyak \$40,000 dibayar kepadanya sebagai ganti rugi fitnah yang berlaku.

Dalam undang-undang Inggeris, iaitu seksyen 1 Akta Fitnah 1996 memperuntukkan pihak yang boleh dipertanggungjawabkan ke atas sesuatu fitnah libel ialah penulis,<sup>28</sup> penyunting<sup>29</sup> dan penerbit<sup>30</sup>. Daripada definisi penulis, penyunting dan penerbit itu, maka seseorang itu tidak dikira termasuk sebagai salah seorang daripada ketiga-tiga istilah itu sekiranya dia hanya terlibat:

- a. dalam percetakan, penerbitan, pengagihan atau penjualan bahan bercetak yang mengandungi sesuatu kenyataan;
- b. dalam pemprosesan, penyediaan salinan, pengagihan, pameran atau penjualan filem atau rakaman sesuatu yang mengandungi kenyataan tertentu;
- c. dalam pemprosesan, pembuatan salinan, pengagihan atau penjualan apa-apa alat elektronik yang mengandungi atau terpapar sesuatu kenyataan itu, atau pengelolaan (*operating*) atau pembekalan (*providing*) apa-apa peralatan, sistem atau perkhidmatan yang dengannya (*by means of*) sesuatu kenyataan itu didapatkan semula (*retrieved*), disalin, diagihkan atau diwujudkan dalam bentuk elektronik;
- d. sebagai penyiar program siaran langsung yang mengandungi suatu kenyataan dalam keadaan-keadaan yang mana dia tidak boleh mengawal secara berkesan ke atas pembuat sesuatu kenyataan itu;
- e. sebagai operator atau pembekal laluan masuk ke sistem komunikasi yang dengannya sesuatu kenyataan itu disiarkan, atau diwujudkan, oleh

---

<sup>28</sup> Penulis bermaksud pihak asal yang membuat sesuatu kenyataan, tetapi ia tidak termasuk seseorang yang tidak berniat bahawa kenyataannya akan diterbitkan sama sekali. Lihat seksyen 1(2) Akta Fitnah 1996.

<sup>29</sup> Seseorang yang terlibat dengan suntingan atau tanggungjawab yang bersamaan dengannya terhadap isi kandungan sesuatu kenyataan atau sesuatu keputusan untuk menerbitkannya. Lihat seksyen 1(2) Akta Fitnah 1996.

<sup>30</sup> Penerbit bermaksud penerbit komersial, iaitu seseorang yang pekerjaannya atau tugasnya menerbitkan sesuatu bahan kepada khalayak, atau sebahagian daripada khalayak, yang menerbitkan bahan yang mengandungi sesuatu kenyataan dan ia diterbitkan dalam bidang kuasa tugasnya itu. Lihat seksyen 1(2) Akta Fitnah 1996.

seseorang berkaitan dengan pihak lain yang dia tidak boleh mengawal secara berkesan.

Dan dalam waktu yang sama, Akta Fitnah 1996 ini meletakkan kedudukan pekerja atau ejen bagi seseorang penulis, penyunting atau penerbit adalah sama sepertimana majikan atau ketuanya. Kedudukan ini jelas diperuntukkan dalam seksyen 4 Akta tersebut:

“Para pekerja atau ejen bagi penulis, penyunting atau penerbit adalah dalam kedudukan yang sama sepertimana majikan atau ketua (*principal*) mereka setakat mana bahawa mereka bertanggungjawab terhadap isi kandungan sesuatu kenyataan atau keputusan untuk menerbitkannya”.

Jika dirujuk kepada Akta Fitnah 1996 itu, terutamanya seksyen 1(e) yang boleh dikaitkan kepada kes-kes pembekal perkhidmatan Internet dan juga operator telefon yang telah membekalkan atau memberi laluan kepada bahan-bahan fitnah, adakah mereka bertanggungjawab dalam kes sedemikian. Didapati bahawa dalam banyak kes, mereka tidak dapat mengawasi bahawa bahan yang disiarkan itu merupakan bahan fitnah. Maka sudah pastilah British Telecom tidak boleh dibebankan tanggungan kesalahan fitnah *libel* berasaskan semata-mata terdapat bahan fitnah yang telah disiarkan oleh perkhidmatannya. Ini adalah kerana ia tidak mungkin dapat mengawasi dan menyedari isi kandungan percakapan telefon melalui sesuatu talian itu merupakan bahan fitnah. Maka pendalihan dalam seksyen 1 Akta tersebut boleh digunakan oleh pembekal perkhidmatan Internet, operator dan juga pembekal kemudahan sistem komunikasi dalam keadaan-keadaan tertentu bagi membuktikan bahawa mereka tidak bersalah dalam sesuatu kes fitnah *libel* itu.<sup>31</sup>

Dengan sebab itu apabila dirujuk kepada peruntukan seksyen 1(1), ia memperuntukkan pendalihan kepada pihak defendan, termasuk pembekal perkhidmatan Internet, penyedia kemudahan telekomunikasi dan sebagainya apabila dia mampu membuktikan bahawa:

---

<sup>31</sup> Peter Carey, *Media Law*, hlm. 41.

- (a) dia bukanlah penulis, penyunting atau penerbit sesuatu kenyataan yang diadukan itu,
- (b) dia telah mengambil tindakan yang munasabah berhubung dengan penerbitan itu, dan
- (c) dia tidak mengetahui, dan tiada alasan untuk mempercayai, bahawa apa yang telah dilakukan telah menyebabkan atau telah menyumbang kepada penerbitan suatu kenyataan fitnah.

Secara perinciannya, segala pendalihan di atas yang dikemukakan oleh pihak defendan terserah kepada pihak mahkamah bagi memastikan adakah betul pendalihan tersebut boleh digunakan oleh pihak defendan. Untuk menangani situasi tersebut, panduan diberikan kepada mahkamah dengan berpandukan seksyen 1(5) Akta Fitnah 1996:

“(5) Dalam menentukan untuk maksud seksyen ini sama ada seseorang itu telah mengambil tindakan yang munasabah, atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa apa yang dia telah lakukan atau sumbangkan kepada penerbitan suatu kenyataan fitnah, bagi menanganinya harus perlu dipertimbangkan-

- (a) takat tanggungjawabnya terhadap isi kandungan sesuatu kenyataan atau keputusan untuk menerbitkannya,
- (b) sifat atau keadaan penerbitan itu, dan
- (c) tingkahlaku atau sifat yang wujud pada diri penulis, penyunting atau penerbit sesuatu kenyataan yang terlibat itu.”

Daripada Akta Fitnah 1996 itu didapati bahawa pembekal perkhidmatan Internet dan juga penyedia kemudahan telekomunikasi bukanlah merupakan penulis, penyunting dan juga penerbit bagi sesuatu kenyataan yang disiarkannya pada papan skrin atau papan buletin Internet. Walau kedudukan pembekal perkhidmatan Internet dan juga kemudahan telekomunikasi itu agak hampir dengan definisi penerbit (*publisher*), tetapi tugasnya tidak begitu tepat dengan kehendak dan maksud penerbit sepertimana dalam Akta Fitnah 1996 itu yang mana pada umumnya mereka dikecualikan daripada menanggung tanggungan terhadap penerbitan yang disiarkan pada papan buletin mereka.<sup>32</sup> Sehubungan

---

<sup>32</sup> Lihat Peter Carey, *Media Law*, hlm. 61.

dengan maksud penyuntingan pula, Peter Carey berkata: “Hanya cara yang semata-mata pembekal perkhidmatan untuk memastikan bahawa ia tidak termasuk ke dalam definisi penyunting (*editor*) adalah tidak melibatkan diri sebagai berfungsi meneliti sesuatu berita (*house-keeping function*), iaitu menjauhkan diri daripada tugas membuang sebarang kenyataan berbentuk fitnah atau sebarang kenyataan mengaibkan daripada perkhidmatannya”.<sup>33</sup>

Sepertimana perbincangan sebelum ini, Akta Fitnah 1996 membenarkan pendalihan dalam seksyen 1(1)(b)(c) atas alasan bahawa dia telah mengambil tindakan yang munasabah berhubung dengan sesuatu penerbitan itu, dan dia tidak mengetahui serta tiada alasan untuk mempercayai, bahawa apa yang telah dilakukan telah menyebabkan atau telah menyumbang kepada penerbitan suatu kenyataan fitnah. Seksyen ini juga diperjelaskan dalam seksyen 1(5) bagi mengukur dan menguji sejauhmana dua keadaan itu betul-betul telah dilaksanakan oleh pihak defendan ke atas sesuatu kenyataan berbentuk fitnah yang dikeluarkan olehnya itu. Jika sekiranya dia telah menyedari bahawa sesuatu kenyataan itu berbentuk fitnah tetapi dia gagal menghapuskannya, maka dia bertanggung. Ini dapat dilihat dalam kes *Godfrey Iwn. Demon Internet Ltd.*<sup>34</sup> bagi menjelaskan seksyen 1(5) ini. Dalam kes ini, mahkamah telah mempertimbangkan bahawa defendan adalah pembekal perkhidmatan Internet yang menyediakan kemudahan penggunaan Internet kepada para pelanggan, iaitu *usenet newsgroup*. Ini merupakan suatu sistem yang boleh digunakan oleh para pengguna Internet untuk mengirimkan artikel bagi suatu perbincangan tertentu. Artikel itu boleh dicapai dan dibaca di seluruh dunia oleh sesiapa sahaja yang telah memohon dan dibenarkan oleh pihak pembekal perkhidmatan Internet itu. Sebahagian daripada perkhidmatannya, pihak defendan juga menyimpan artikel-artikel dalam *newsgroup* yang kemudiannya boleh dicapai oleh para pelanggannya. Sehubungan dengan itu, seseorang yang tidak dikenali telah membuat satu artikel dan dikirimkan kepada *server* defendan. Artikel itu didakwa datang dari pihak menuntut, tetapi sebenarnya ia adalah suatu yang palsu dan

---

<sup>33</sup> Peter Carey, *Media Law*, hlm. 62.

<sup>34</sup> [1999] EMLR 542.

tidak benar. Artikel itu digambarkan oleh mahkamah sebagai “kotor, lucu dan fitnah” kepada pihak menuntut. Mahkamah memutuskan bahawa pembekal perkhidmatan Internet adalah sama kedudukannya sepertimana penjual buku atau pemilik perpustakaan apabila dia (pembekal itu) menjual dan menyiarkan bahan fitnah kepada para pelanggannya. Apabila disiarkan berita-berita berbentuk fitnah daripada simpanan *server* pembekal perkhidmatan Internet itu, bermakna mereka menyiarkan sesuatu berita itu kepada para pelanggan mereka. Akhirnya, pihak Demon bersetuju membayar ganti rugi sebanyak 15,000 Pounds Sterling dan lain-lain kos sebanyak 230,000 Pounds Sterling. Demon tidak boleh menggunakan pendalihan dalam statut apabila dia gagal untuk menghapuskan bahan kiriman fitnah yang telah disedari olehnya. Keadaan ini telah diambil kira oleh mahkamah setelah pihak menuntut memberi notis kepada defendan supaya menghapuskan artikel yang berbentuk fitnah itu daripada *usenet news server*. Maka pendalihan sebagai orang yang tidak bersalah dalam penyebaran artikel tersebut tidak boleh digunakan atas alasan tempoh untuk menghapuskannya telah diberikan oleh pihak menuntut.

## **LIBEL MELALUI RUANG SIBER DAN SISTEM PESANAN RINGKAS MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM**

Merujuk kepada undang-undang Islam berkaitan dengan hak kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat adalah telah jelas terdapat dalam al-Qur'an, al-Sunnah dan penulisan-penulisan para ulama. Hal ini dapat dibuktikan dengan firman Allah (s.w.t.) dalam Surah al-Tawbah, ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan.

Begitu juga dalam Surah Ali 'Imran, ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ  
عَنِ الْمُنْكَرِ

Terjemahan: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji).

Dalam ayat yang lain, Allah (s.w.t.) melarang daripada mendedahkan keburukan orang lain melainkan dalam kes tertentu sahaja. Ini dapat dilihat dalam Surah al-Nisa', ayat 148:

❖ لَا يُجِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلِمَ وَكَانَ  
اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾

Terjemahan: Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Maksud ayat di atas ialah orang yang dizalimi tidaklah salah jika dia mendedahkan kejahatan pihak penzalim terhadapnya demi untuk mendapat pembelaan.

Berdasarkan kepada pengertian umum ayat-ayat di atas, Islam memberi hak kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat kepada kesemua manusia, lebih-lebih lagi bagi perkara yang boleh mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan dalam masyarakat. Hak kebebasan ini tidak hanya diberikan dalam kes sesuatu isu tertentu, bahkan ia boleh digunakan dalam kesemua

keadaan asalkan ia boleh mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan dalam masyarakat.

Keadaan ini juga dapat dibuktikan dalam zaman Rasulullah (s.a.w.). Baginda telah memberikan hak ini kepada semua orang ketika itu sehinggakan untuk mengatur strategi peperangan bagi mengawal Kota Madinah bagi menempuh peperangan Uhud dan juga Khandaq, baginda memilih pandangan yang paling baik dikalangan para Sahabat. Ini menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf kebebasan bercakap dan memberi pendapat demi untuk pembangunan umat dan negara.

Di samping Islam menganugerahkan hak kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat kepada semua manusia, Islam juga menganugerahkan hak mendapat perlindungan terhadap maruah dan kemuliaan diri bagi setiap individu. Hak ini diberikan kepada setiap individu supaya mereka tidak mudah difitnah dan diaibkan oleh orang lain. Ini dengan jelas tercatat dalam al-Qur'an, Surah al-Hujurat, ayat 11 hingga 12.<sup>35</sup> Berdasarkan kepada ayat-ayat tersebut, dapatlah dikatakan undang-undang Islam menjaga dan mengawasi kebajikan umat manusia dengan memastikan setiap diri mereka dilindungi daripada sebarang fitnah *libel* dan *slander*. Maksud ayat daripada Surah al-Hujurat tersebut "...dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain..." dan maksud ayat 11, Surah al-Qalam: "Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai)" jelas terbukti bahawa fitnah tanpa mengira melalui lisan atau tulisan dan juga tanpa mengira wahananya sama ada melalui penyiaran televisyen, cetakan surat khabar ataupun talian Internet dan telefon adalah kesemuanya haram dilakukan menurut undang-undang Islam. Dan jika dapat disabitkan pihak yang melakukannya, maka pihak itu boleh dikenakan hukuman *hadd qazaf* atau takzir mengikut jenis kesalahannya.

Keadaan ini disokong dengan firman Allah (s.w.t.) dalam Surah al-Hujurat, ayat 6:

---

<sup>35</sup> Sila lihat ayat al-Qur'an dan terjemahan dalam bab satu.

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا  
 قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Maksud ayat di atas dapatlah dikatakan bahawa sesiapa sahaja yang menerima sebarang berita daripada orang lain tanpa mengira sama ada ia melalui ungkapan, kiriman kertas, hebahan dalam televisyen, siaran radio, paparan papan buletin Internet atau sistem maklumat ringkas, sewajibnya pihak penerima berita tersebut menyelidikinya terlebih dahulu sebelum mempercayainya. Dari sudut prosedur kehakiman, ayat ini juga dapat difahami bahawa hanya semata-mata pihak yang membuat berita itu sahaja patut diselidiki dan dikenalpasti di samping kebenaran berita itu.<sup>36</sup> Apabila dikenal pasti pihak yang membawa berita itu fasik, maka berita itu dikira sebagai terbatal, iaitu tidak boleh diterima. Sehinggan jika mengikut Imam al-Shafi'i, jika berita fitnah itu ditujukan kepada seseorang tertentu, maka pelakunya dikira fasik yang tidak boleh diterima menjadi wali dalam kes pernikahan.<sup>37</sup> Maka, daripada kenyataan ini, apa yang hendak ditekankan ialah pihak sebenar yang membuat sesuatu fitnah itu sewajibnya dikenalpasti, bukannya pihak lain termasuk pihak perantaraannya, melainkan terdapat elemen penyubahatan antara pihak yang membuat fitnah dengan pihak perantaraannya.

Undang-undang Islam menganggap bahawa sebarang bentuk perbuatan, kelakuan atau perkataan yang dilakukan untuk memfitnah seseorang tertentu, maka ia boleh dikira sebagai suatu kesalahan fitnah tanpa mengira sama ada ia disiarkan atau dihebahkan dalam bentuk sementara atau kekal, sama ada dalam

<sup>36</sup> Al-Sabuni, *Safwat al-Tafasir*, juzuk 3, hlm. 233.

<sup>37</sup> Ibn al-'Arabi, *Ahkam al-Qur'an*, juzuk 4, hlm. 1715.

bentuk gambaran, lukisan, arca, patung, tayangan, karikatur, coretan dan sebagainya.<sup>38</sup> Dan juga tanpa mengira sama ada ia menggunakan apa-apa perantaraan alat komunikasi bagi menyampaikan fitnahnya itu ataupun tidak.

Kata-kata atau ungkapan yang menyakitkan hati, mengaibkan atau merendahkan maruah seseorang tertentu dilarang oleh undang-undang Islam, inikan pula kata-kata yang berbau fitnah atau yang berkemungkinan boleh mewujudkan fitnah. Sudah pasti ia amat dilarang oleh undang-undang Islam.

Daripada perbincangan bab-bab yang lalu, dapat difahami bahawa undang-undang Islam melarang daripada mengumpat atau mengata-ngatakan sesuatu perkara berkaitan dengan diri seseorang tertentu, sekalipun kata-katanya itu benar dan ia dinamakan sebagai *ghibah*. Inikan pula sesuatu ungkapan atau perkataan itu yang sememangnya direka-reka yang boleh menjadi suatu bentuk fitnah, malah lebih-lebih lagilah ia dilarang dan ia dinamakan sebagai *buhtan*. Dan banyak lagi bentuk-bentuk ungkapan yang dilarang oleh undang-undang Islam dan ia diistilahkan sama ada sepertimana dua istilah tersebut atau *sukhriyyah* (ejekan/hinaan, *lamz* (fitnah) dan sebagainya.

Jika sekiranya sesuatu ungkapan itu boleh dianggap fitnah sekalipun ia disiarkan atau disebarikan hanya kepada pihak yang difitnahkan, inikan pula jika perkara fitnah tersebut disiarkan secara meluas melalui Internet dan sistem mesej ringkas telepon mudah alih dan ia bercirikan fitnah *libel* yang kekal. Maka perbuatan sedemikian amatlah dilarang oleh undang-undang Islam dan sudah pastilah pihak yang difitnah itu boleh mengambil tindakan undang-undang menuntut ganti rugi kepada pihak pemfitnah atas keaibannya yang dia alami dari sudut psikologi dan emosi atau memohon injunksi supaya fitnah itu disekat dan dihapuskan daripada ia terus disebarikan dalam Internet atau sistem mesej ringkas itu.

Persoalan lain yang muncul dalam kes fitnah melalui Internet atau sistem mesej ringkas ini ialah siapakah yang bertanggung jika kes tersebut terjadi mengikut pandangan undang-undang Islam? Hal ini dilihat dan dinilai dengan

---

<sup>38</sup> Lihat al-Dhahabi, *Kitab al-Kaba'ir*, hlm. 160-161; al-Kahlani, *Subul al-Salam*, juzuk 4, hlm. 193 dan hlm. 198.

memastikan siapakah yang memainkan peranan tersebut secara langsung dan siapakah pula yang kedudukannya boleh dikategorikan secagai tidak langsung, atau kedua-duanya memainkan peranan sebagai pembuat fitnah secara langsung ataupun kedua-dua pihak tersebut sebagai pembuat fitnah secara tidak langsung.

Jika diteliti secara mendalam, sudah pastilah dapat dikatakan bahawa pihak yang menulis fitnah itu sebagai pembuat fitnah secara langsung dan pembekal perkhidmatan papan buletin atau syarikat penyedia perkhidmatan sistem pesanan atau mesej ringkas ini sebagai pihak yang berada pada situasi tidak langsung. Ini adalah kerana dia hanya merupakan pihak yang menyediakan kemudahan talian komunikasi itu sahaja, bukannya perancang atau pembuat bahan fitnah tersebut. Oleh itu, dalam kes sebegini perlu dirujuk kepada satu kaedah fiqh yang berbunyi:

إذا اجتمع المباشر والمتسبب يضاف الحكم الى المباشر<sup>39</sup>

Terjemahan: Apabila berhimpun pelaku secara langsung dan pelaku secara tidak langsung (penyebab), disandarkan (dibebankan) hukuman kepada pelaku secara langsung.

Hukuman hanya dibebankan ke atas pelaku secara langsung sahaja atas sebab bahawa dia merupakan penyebab yang sebenar-benarnya memberi kesan kepada sesuatu kes itu dan asas sesuatu hukuman itu pula sememangnya ditujukan kepada pihak yang mewujudkan sesuatu perbuatan itu bukannya kepada penyebab-penyebab lain sekalipun ia mempunyai hubungan dengan kes itu. Ini adalah kerana pelaku secara langsung itu dikira lebih kuat dan lebih hampir kepada akibat sesuatu kejadian itu.<sup>40</sup> Hal ini berkemungkinan sama dengan satu maxim Latin berbunyi: *causa proxima non remota spectatur*, yang memberi maksud “sebab yang segera diambil kira, bukannya sebab yang terpencil.”<sup>41</sup>

Pelaku secara tidak langsung merupakan seorang yang telah melakukan sesuatu perbuatan dan antara perbuatannya dengan kesan atau akibat yang ada

<sup>39</sup> *Majallat al-Ahkam al-‘Adliyyah*, Perkara 90.

<sup>40</sup> Al-Zarqa’, *Sharh al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*, hlm. 447.

<sup>41</sup> *Osborn’s Concise Law Dictionary*, hlm. 67.

hubungan dengan perbuatan itu telah dicelahi atau diselangi oleh suatu perbuatan orang lain yang telah melakukannya secara sukarela. Adapun pelaku secara langsung pula merupakan seorang yang telah menyebabkan suatu kesan atau akibat daripada perbuatannya tanpa dicelahi antara kedua-duanya itu oleh suatu perbuatan orang lain yang telah melakukannya secara sukarela. Dengan sebab itulah, pelaku secara langsung ini lebih hampir atau lebih wajar dibebankan hukuman ke atasnya jika dibandingkan dengan pihak pelaku secara tidak langsung.

Persoalan pembuat fitnah (pelaku secara langsung) dengan pihak yang menyediakan perkhidmatan penyiaran fitnah (pelaku secara tidak langsung) dapat dibuat analogi dengan kes seseorang menggali lubang di atas jalan raya tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa dan kemudian seseorang lain menyebabkan binatang kepunyaan seseorang terjatuh ke dalam lubang itu, maka tanggungan terhadap kecederaan atau kematian binatang itu dipertanggungjawabkan ke atas pihak yang telah menyebabkan binatang itu terjatuh (pelaku secara langsung), bukannya pihak yang menggali lubang itu (pelaku secara tidak langsung). Melainkan dapat dibuktikan bahawa tidak wujud sebarang perbuatan orang lain yang mencelahi antara perbuatan penggali lubang dengan akibat kecederaan atau kematian yang dialami oleh binatang itu. Maka dalam kes sebegini, pihak penggali lubang bertanggung terhadap ganti rugi ke atas binatang itu, kerana dia dianggap sebagai *muta'addi* disebabkan tindakannya itu tidak mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa terlebih dahulu.

Analogi lain yang boleh dikiaskan dalam undang-undang Islam kepada kes yang melibatkan pembekal perkhidmatan Internet dan juga penyedia kemudahan telefon mudah alih adalah seperti kes kemudaratan yang disebabkan oleh kanak-kanak atas alasan kecuaiannya. Kanak-kanak dalam kes sedemikian merupakan wahana kepada kemudaratan yang berlaku, sepertimana syarikat pembekal perkhidmatan Internet dan talian telefon, maka pihak yang sebenarnya bertanggung adalah penjaganya, kerana dia telah cuai atau tidak berhati-hati dalam penjagaan kanak-kanak tersebut. Hal ini dapat

dirujuk seperti dalam kes jika seseorang memberi sebilah pisau kepada seorang kanak-kanak dan tiba-tiba pisau yang dipegang oleh kanak-kanak itu terjatuh lalu mencederakan dirinya atau orang lain, pihak yang memberikan pisau itu bertanggung atas kecederaan tersebut. Ini adalah kerana pihak yang memberikan pisau itu dikira sebagai pihak pelaku tort dalam menggunakan kanak-kanak itu bagi memegang pisau yang diberikannya dan dia juga sebagai penyebab *muta'addi* kepada kes kecederaan tersebut, manakala kanak-kanak kecil itu hanya dikira sebagai wahana kepada kemudaratan yang berlaku, bukannya pelaku secara langsung. Dan kejadian itu pula berlaku secara kemalangan, tanpa elemen "ikhtiar" daripada kanak-kanak tersebut. Tetapi sekiranya wujud elemen "ikhtiar" daripada kanak-kanak itu, maka pihak yang memberi pisau tidak bertanggung, kerana dalam kes sebegini, kanak-kanak itu dikira sebagai pelaku secara langsung.<sup>42</sup>

## KESIMPULAN

Telah jelas kepada kita daripada perbincangan sebelum ini berkaitan dengan kes-kes yang melibatkan fitnah *libel* yang terjadi melalui ruang siber dan juga sistem pesanan ringkas. Kes-kes yang telah dituntut di mahkamah pada masa kini melibatkan Internet, terutamanya pembekal perkhidmatan Internet. Walaupun terdapat keputusan mahkamah yang membebaskan tanggungan ke atas bahu pembekal perkhidmatan Internet, tetapi keputusan tersebut tidak diterima secara majoriti oleh para ahli undang-undang. Jika dibandingkan penerbit media cetak dan penerbit siaran televisyen dengan pembekal perkhidmatan media elektronik Internet dan telefon, didapati bahawa penerbit media cetak dan syarikat penyiaran televisyen dan radio lebih mempunyai keupayaan untuk mengawal dan mengawasi isi kandungan bahan-bahan yang mereka siar dan sebarkan.

---

<sup>42</sup> Al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, juzuk 26, hlm. 185; Al-Zarqa', *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, hlm. 448; al-Baghdadi, *Majma' al-Damanat*, hlm. 166 dan hlm 172; Wahbah, *Nazariyyat al-Daman*, hlm. 42.

Walaupun Internet dan sistem pesanan ringkas merupakan salah satu bentuk media, tetapi sifat Internet dan sistem pesanan ringkas itu berbeza dengan media-media lain. Hal ini dipandang dari sudut keupayaan Internet dan sistem pesanan ringkas itu membolehkan para penggunanya memasukkan dan memindahkan segala bahan maklumat mereka secara cepat dan segera. Ini menyebabkan pembekal perkhidmatan Internet dan juga penyedia kemudahan sistem pesanan ringkas sukar untuk mengadakan kawalan ke atas isi kandungan yang dimasukkan ke dalam papan buletin Internet dan juga yang dikirimkan melalui sistem pesanan ringkas. Oleh itu, secara ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa sewajarnya para pembekal perkhidmatan Internet dan juga penyedia kemudahan sistem pesanan ringkas tidak dibebankan tanggungan terhadap bahan-bahan yang dikirimkan dalam kedua-dua media tersebut.

Walaupun pihak pembekal perkhidmatan Internet itu tidak sewajarnya dipertanggungjawabkan ke atas bahan-bahan yang terdapat dalam papan buletin Internet mereka, tetapi jika dapat dibuktikan bahawa mereka telah bersubahat atau telah turut sama dalam pengirisan bahan fitnah *libel* itu, maka dalam kes sebegini, pembekal perkhidmatan Internet boleh turut sama dipertanggungjawabkan atas kesalahan fitnah *libel* itu.